Tukang gunting, artis bantu tepis mitos tentang Vaksin

SAN DIEGO – Di sebuah pinggir bandar Washington D.C, tukang gunting kulit hitam dan Latin menyangkal mitos mengenai vaksin koronavirus sambil mereka memotong rambut.

Di seluruh negara tersebut, seorang penyelidik universiti di Phoenix bekerjasama dengan sebuah syarikat di sebalik buku komik menentang ekstremisme Islam untuk menghasilkan cerita-cerita animasi dalam Sepanyol yang menyasarkan untuk mencegah teori-teori konspirasi yang menghalang orang Latin daripada mendapatkan suntikan.

Dan di San Diego, bekas pelarian, aktivis-aktivis Latin dan kulit hitam yang mula-mula diupah oleh pegawai kesihatan sebagai pengesan kontak memanggil semula orang-orang yang mereka temui mengenai pendedahan COVID-19 untuk bercakap mengenai suntikan.

Satu gelombang baharu sokongan kesihatan awam yang berbilang bahasa, budaya, menghiburkan dan personal dengan pantas menggantikan pengumuman perkhidmatan awam biasa di TV, radio dan dalam talian dalam pergelutan untuk menghentikan maklumat palsu vaksin yang menular dalam komuniti dan menggesa lebih ramai orang di vaksinasi.

“Dengan cara maklumat palsu menular di media sosial, sebuah informasi lama untuk melawannya tidak lagi berkesan,” kata Mustafa Hasnain, yang mengasaskan Creative Frontiers untuk membuat buku komik menentang ekstremisme Islam.

Pesanan inovatif tersebut telah menghilang kepentingannya: Virus tersebut telah menjejaskan orang-orang kulit hitam dan Latin, tetapi jumlah vaksinasi mereka kurang daripada separuh daripada orang kulit putih.

Pentadbiran Biden bulan ini melancarkan kempen promosi bernilai jutaan dolar menyasarkan komuniti-komuniti di mana keraguan terhadap vaksin tinggi dan mengarahkan 273 organisasi-organisasi – dari NAACP ke Ciencia Puerto Rico – untuk menyebarkan maklumat mengenai keselamatan dan keberkesanan vaksin.

Satu iklan dalam bahasa Sepanyol dan yang lain menyasarkan orang kulit hitam Amerika yang dikisahkan oleh sejarawan Henry Louis Gates Jr.

Khabar angin yang menyatakan vaksin menyebabkan ketidaksuburan dan suntikan boleh memasukan cip pengesan kerajaan merupakan yang biasa didengar di komuniti kulit hitam dan Latin. Mereka mempunyai sejarah panjang berdepan dengan perkauman dalam sistem penjagaan kesihatan, menghakis kepercayaan mereka.

“Saya melihat banyak kesamaan dalam bagaimana radikalisasi keganasan berlaku dan maklumat palsu pada masa sekarang sekitar pandemik dan vaksinasi. Sama seperti bagaimana radikalisasi berfungsi, terdapat kepercayaan sebelah pihak yang menyemai kesangsian terhadap pihak berkuasa.

Kelihatan Wallace Wilson, memotong rambut James McRae di Hyattsville, Md. – AP

Tulisan mengenai kesihatan dipaparkan di pintu ketika Kevin Fitzhugh, memotong rambut Ikemba Orusakwe. – AP

Kerisauan juga mulai terbit terhadap keselamatan satu dos vaksin Johnson & Johnson (J&J).

Kerajaan AS menghentikan sementara suntikan tersebut untuk menyiasat laporan yang jarang tetapi berpotensi menjadi bahaya berhubung darah beku.

Berjuta-juta dos vaksin J&J telah diberikan di AS, majoritinya tiada atau kesan sampingan yang ringan.

Tetapi persoalan timbul daripada enam kes boleh menyukarkan usaha untuk memenangi orang ramai yang telah ragu-ragu, dan ia tidak begitu jelas bagaimana penyokong pro-vaksin bertindak balas kepada cabaran baharu.

Syarikat milik Hasnain meneruskan pergerakan dengan menyiarkan animasi Bahasa Sepanyol terbaharu menyasarkan pemuda Latin. Cerita-cerita animasi dihasilkan dengan Gilberto Lopez, seorang penyelidik dan pembantu profesor di Sekolah Pengkajian Rentas Sempadan, Arizona State University.

Lopez menyatakan para pemuda Latin terutama lelaki enggan untuk di vaksinasi.

“Kejadian negatif yang mungkin mempunyai aspek positif daripada pembelajaran pandemik adalah merupakan peluang untuk membayangkan semula penjagaan kesihatan kepada komuniti kita,” kata Dr Stephen B. Thomas, yang menjalankan Maryland Center for Health Equity di University of Maryland School of Public Health.

Dia bekerja di kedai gunting dan kecantikan orang kulit hitam dan Latin dengan berkongsi cerita tentang vaksin selamat. Program tersebut baru-baru ini memberikan lesen kepada tiga tukang gunting sebagai penyokong kesihatan komuniti.

“Kedai kecantikan dan gunting rambut Black boleh menjadi tempat-tempat teori konspirasi yang tumbuh dan berkembang, atau tempat di mana sains berasaskan bukti dan rujukan dilakukan,” ujar Thomas, yang mula-mula melancarkan inisiatif Health Advocates In-Reach and Research (HAIR) untuk mendidik orang mengenai penyakit kronik seperti diabetes.

Di Shop Hair Spa di Hyattsville, Maryland luar kawasan Washington, sebuah kotak berwarna-warni tertulis persoalan ‘Apa pertanyaan kesihatan anda?’ dipaparkan bersebelahan dengan harga perkhidmatan gunting. Informasi vaksin COVID-19 dipamerkan pada dinding merah di belakang kerusi kedai.

Tukang gunting Wallace Wilson berkata dia memahami tempahan orang ramai untuk divaksinasi.

“Saya masih waswas mengenainya, kerana fakta ringkas yang saya lelaki Amerika Afrika dan jika anda melihat sejarah, kami telah digunakan sebagai tikus kajian,” ujar Wilson.

Dia merujuk kepada sebuah kajian 40 tahun oleh kerajaan AS yang mengesan lelaki kulit hitam dijangkiti sifilis tanpa merawat mereka yang membolehkan para saintis memantau penyakit tersebut berkembang.

Pelanggan James McRae mengongsi skeptisismenya. Tetapi Wilson memberitahu McRae yang kali ini ia berbeza kerana kerajaan US bukan sahaja memvaksin orang, tetapi dunia dan semua orang perlu mengambil peranan mereka.

“Saya mahu semua orang selamat,” kata Wilson, berhati-hati mengendalikan pisau cukur berdekatan dengan penutup mulut dan hidung McRae.

McRae bersetuju namun masih berjaga-jaga, menyerahkan kepada Tuhan untuk menentukan.

Para pakar menyatakan sebarang kepercayaan akan dapat diatasi jika semua orang membuat keputusan untuk mendapatkan suntikan dan kemudiannya tidak boleh. Wilson telah berada dalam senarai menunggu untuk lebih daripada sebulan.

Dr Fermin Leguen, ketua Southern Nevada Health District di Las Vegas mengetahui bagaimana pentingnya kata-kata.

Dengan informasi mengenai virus berubah cepat, agensi tersebut beralih kepada penterjemah automatik untuk mengikutinya. Satu slogan ‘Pakai penutup mulut dan hidung, Sokong, bersihkan tangan’ diterjemahkan dalam bahasa Sepanyol untuk menyatakan ‘Untuk memakai penutup mulut dan hidung, Sokong, Untuk membersihkan diri.’

Leguen yang dilahirkan di Cuba, bertemu dengan saluran media bahasa Sepanyol selepas taklimat singkat mingguannya sebagai cara untuk memberikan informasi lebih baik kepada orang.

Di San Diego, Ana Castro merupakan antara pengesan kontak berlainan latar belakang etnik dengan tidak memiliki latihan kesihatan sebelumnya diberikan pekerjaan pada musim panas lepas untuk membantu para penghijrah, pelarian dan minoriti perkauman yang telah terdedah kepada COVID-19.

Castro mengetahui kesukaran orang-orang yang diingatinya. Dia mengambil berat ibunya, berbangsa Mexico, yang terlantar sakit dengan COVID-19.

Sekarang, dia dan yang lain memanggil semula 10,000 orang untuk bercakap mengenai vaksin dan mengaturkan perjanjian.

“Ia membolehkan perbualan, yang tiada pesanan meluas,” ujar Corinne McDaniels-Davidson, pengarah Institute for Public Health di San Diego State University, yang mereka program dengan jabatan kesihatan negeri. “Orang perlu merasa mereka mempunyai kebimbangan dan timbang rasa yang ditunjukkan dalam bahasa mereka sendiri dari orang mereka yang sama budaya.

Antara lelaki pertama yang diceritakan Castro merupakan suaminya yang maut akibat COVID-19 dan isterinya yang berusia 81 tahun bercakap untuknya selama setengah jam ketika dia berkongsi kenangan mengenai pasangannya itu.

“Saya tidak hanya memanggil untuk mendapatkan orang untuk di vaksinasi, saya juga memastikan emosi dan keadaan fizikal mereka diambil berat,” ujarnya.

Pakar kesihatan berharap beberapa wakil dipercayai dapat lebih banyak suntikan di tangan. Bertha Morales merasa ragu-ragu walaupun dia bekerja untuk klinik kesihatan di Phoenix.

Saudaranya menegaskan yang vaksin itu telah dimasukkan cip pengesan ke dalam badan atau menyebabkannya jatuh sakit atau mati.

Kemudian majikannya mengongsikannya satu ceramah Bahasa Sepanyol dalam talian yang menyangkal semua keburukan mengenai vaksin tersebut. Sekarang dia sudah pun divaksin sepenuhnya.

“Saya rasa perkara yang benar-benar membuat saya berubah ialah saya mahu berjumpa nenek saya tetapi saya tidak mahu membuatkannya sakit. Sudah lama tidak menemuinya,” ujar Morales. – AP